

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN LAUT SARAWAK

Oleh

HAZIM BIN HARUN  
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005

1100039889



LI 14 FPE 2 2005



1100039889

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Laut Sarawak / Hazi Harun.

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039889

1100039889		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

2261

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN LAUT SARAWAK**

**DISEDIAKAN OLEH**

**HAZIM BIN HARUN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)


2005

1100039889

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**


Dengan ini, saya HAZIM BIN HARUN mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



**Nama:HAZIM BIN HARUN**

**Tarikh:8 NOVEMBER 2005**



**Wan Mariam Binti Wan Abdullah**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE)**

**Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia**

## **PENGHARGAAN**

**BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM.....**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T**

Segala puji pada ALLAH kerana dengan berkat, hidayah dan kurnianya telah dapat melatih menyiapkan laporan lengkap latihan praktikal ini. Sesungguhnya latihan praktikal selama 12 minggu di Jabatan Laut Sarawak adalah merupakan salah satu syarat untuk bergraduat sebagai siswa Sarjana Muda Pengurusan Maritim.

Dikesempatan ini, ingin pelatih ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Wan Mariam Binti Wan Abdullah selaku penyelia industri di Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia diatas dorongan dan tunjuk ajar yang telah diberikan selama latihan industri dijalankan.

Disamping itu, jutaan terima kasih juga pelatih ucapkan kepada pihak Jabatan Laut Sarawak kerana sudi menerima pelatih untuk menjalankan latihan industri di Bahagian Keselamatan Pelayaran. Jutaan terima kasih kepada Tuan Pengarah

Laut iaitu Wan Endok Bin Wan Salleh serta En. Ahmad Faizal Bin Ahmad Fuad selaku penyelia industri pelatih yang banyak memberi tunjuk ajar dan pendedahan tentang dunia maritim dari sudut jabatan laut selama pelatih berpraktikal di Jabatan Laut Sarawak.

Sekalung penghargaan kepada semua pegawai serta setiap kakitangan Jabatan Laut Sarawak diatas setiap komitmen yang diberi terutamanya kakitangan dari Bahagian Keselamatan Pelayaran yang sering membantu pelatih sepanjang berpraktikal di sana. Segala budi, tunjuk ajar dan layanan yang baik yang yang diberi tidak akan dilupakan.

Pelatih juga merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering memberi bantuan kepada pelatih semasa berpraktikal dan menghasilkan laporan ini.

Akhir sekali pelatih ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa dan keluarga yang sentiasa memberi galakan, dorongan dan bantuan kepada pelatih. Hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalas jasa kalian.

**HAZIM BIN HARUN**

**SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

## ISI KANDUNGAN

<b><u>BIL</u></b>	<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
	PENGHARGAAN	ii
	SENARAI RAJAH	ix
	RINGKASAN EKSEKUTIF	x

## BAB SATU

1.0	Pengenalan dan Sejarah Jabatan Laut Sarawak	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Sejarah Jabatan Laut Sarawak	3
1.3	Visi Objektif Dan Misi Jabatan Laut Sarawak	5
1.3.1	Visi Jabatan Laut Sarawak	5
1.3.2	Objektif Jabatan Laut Sarawak	5
1.3.3	Objektif Jangka Masa Panjang JLS	6
1.3.4	Misi Jabatan Laut Sarawak	6
1.4	Piagam pelanggan	7
1.5	Perkhidmatan Yang Ditawarkan	9
1.5.1	Mencari Dan Menyelamat	9
1.5.2	Bantuan Pelayaran	9
1.5.3	Survey Kapal	10
1.5.4	Perlepasan Pelabuhan	11

1.5.5	Perkhidmatan Pelaut	11
1.5.6	Bayaran Berjadual	11
1.5.7	Ujian Kecekapan Dek Dan Enjin	12
1.5.8	Survey Hidrografi	12
1.5.9	Produk-Produk Hidrografi	12
1.5.10	Penguatkuasaan Dan Perlaksanaan	13
1.5.11	Perancangan Kelulusan, Survey Kapal dan Persijilan	13
1.5	Maklumat Organisasi	14
1.7	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari Oleh Pelatih	16

## **BAB DUA**

2.0	Mengesan Sistem Sedia ada, Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian	18
2.1.0	Sistem Port State Control	18
2.1.1	Pengenalan Sistem Port State Control	18
2.1.2	Konvensyen Atau Piawaian Yang Ditetapkan	23
2.1.3	Pengenalpastian Masalah Sistem Port State Control	25
2.1.4	Cadangan Penyelesaian Sistem Port State Control	27



<b>2.2.0</b>	<b>Sistem Keselamatan Pelayaran</b>	<b>30</b>
2.2.1	Pengenalan Sistem Keselamatan Pelayaran	30
2.2.2	Aktiviti-Aktiviti Sistem Keselamatan Pelayaran	32
	1. Penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran (Pelampung Pandu)	32
	2. Penyelenggaraan Alat Bantuan Pelayaran (Rumahapi, Bikon Dan Pandu Arah)	33
	3. Arahan Pengeluaran Notis Pelaut Untuk Setiap Perubahan keadaan Keselamatan Pelayaran semasa	33
	4. Pembaikan Alat Bantuan Pelayaran	34
	5. Penempatan Baru Alat Bantuan Pelayaran	34
2.2.3	Proses-Proses Sokongan	35
	1. Perolehan	35
	2. Penyimpanan Barang, Kawalan Sektor dan Pengeluaran	36
	3. Kawalan Dokumen	36
	4. Sistem Pengurusan Fail	37
	5. Pengurusan Latihan Kakitangan	37
	6. Penyelenggaraan Komputer	38
	7. Pengeluaran Notis Pelaut	38

2.2.4	Pengenalpastian Masalah Sistem Keselamatan Pelayaran	40
2.2.5	Cadangan Penyelesaian Sistem Keselamatan Pelayaran	41
2.3.0	Sistem Pendaftaran Pelaut	43
2.3.1	Pengenalan Sistem Pendaftaran Pelaut	43
2.3.2	Objektif Dan Pengenalan Sistem Pendaftaran Pelaut	44
2.3.3	Pengenalpastian Masalah Sistem Pendaftaran Pelaut	48
2.3.4	Cadangan Penyelesaian Sistem Pendaftaran Pelaut	49

### **BAB 3**

3.0	Penutup	50
-----	---------	----

<b>RUJUKAN</b>	<b>54</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>55</b>
-----------------	-----------

## **SENARAI RAJAH**

## **MUKASURAT**

Rajah 1	Carta Organisasi Jabatan Laut Sarawak	15
Rajah 2	Carta Aliran Sistem Port State Control	24
Rajah 3	Carta Aliran Sistem Keselamatan Pelayaran	39
Rajah 4	Carta Aliran Sistem Pendaftaran Pelaut	47

---

Rajah 5	Carta fungsi Jabatan Laut Sarawak	lampiran 1
Rajah 6	Contoh borang laporan pemeriksaan mengikut Tokyo MoU ke atas Port State Control (Form A)	lampiran 2
Rajah 7	Contoh borang laporan pemeriksaan mengikut Tokyo MoU ke atas Port State Control (Form B)	lampiran 3
Rajah 8	Contoh Borang Pendaftaran Pelaut	lampiran 4
Rajah 9	Borang Perakuan Pemeriksaan Perubatan	lampiran 5
Rajah 10	Model Sistem Pengurusan Kualiti, JLS mengikut MS ISO 9001:2000	lampiran 6

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Selama 12 minggu pelatih menjalani Latihan Industri di Bahagian Keselamatan Pelayaran, Jabatan Laut Sarawak, pelbagai pengalaman dan perkara baru yang dipelajari disana. Bahagian Keselamatan Pelayaran mempunyai tiga unit iaitu, unit Khidmat Kecemasan, Unit Alat Bantuan Pelayaran dan Unit Penyiasatan kemalangan, Wrek dan Salvej. Sistem kerja di Jabatan Laut Sarawak berlandaskan Sistem Pengurusan Kualiti MSO 9001. Ini menunjukkan setiap perkara yang dilakukan teratur dan bersistematik. Sistem Keselamatan Pelayaran dilaksanakan bagi menentukan sistem perhubungan laut yang selamat dan konservasi laut kearah pertumbuhan industri maritim kebangsaan yang berkualiti. Sistem Keselamatan Pelayaran bertujuan untuk memastikan bahawa prosedur-prosedur dan proses-proses kerja bagi mengadakan dan menyelenggara peralatan bantuan pelayaran di perairan Sarawak memenuhi dan mematuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1957 (MSO 1957) berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh *International Of Lighthouse Authorities* (IALA) yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Walaupun ditempatkan di Bahagian Keselamatan Pelayaran, namun pelatih bebas untuk pergi ke bahagian-bahagian lain dimana pelatih telah mengkaji mengenai *Port State Control* (PSC) di Bahagian Kawalan Industri (KI) dan Sistem Pendaftaran Pelaut di Bahagian Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan (HEPP). *Port State Control* merupakan satu sistem yang bertujuan untuk membuat pemeriksaan dan pengawalan kapal-kapal asing yang berlabuh di Malaysia. Pemeriksaan dan pengawalan dijalankan di setiap pelabuhan yang terdapat di Malaysia. Tujuan utama pemeriksaan dan pengawalan ini dibuat ialah bagi memastikan kapal-kapal asing/bukan hak milik rakyat Malaysia sentiasa berada dalam keadaan selamat, layak belayar dan tidak mewujudkan sebarang keadaan yang boleh membawa kepada pencemaran persekitaran maritim mengikut standard yang telah ditetapkan sesuai dengan konvensyen-konvensyen antarabangsa. Pelatih telah mengenalpasti sistem yang digunakan bagi merekod dokumen-dokumen pelaut bagi setiap pelaut di perairan Malaysia. Individu yang berminat untuk berkhidmat dengan mana-mana kapal/bot di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa, individu tersebut perlulah berdaftar sebagai pelaut dan mendapatkan kad pelaut serta buku pelaut yang disediakan oleh Jabatan Laut Sarawak untuk pemohon dari negeri ini. Pelatih berpendapat bahawa Latihan Industri ini telah memberi peluang kepada setiap bakal graduan di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) untuk merasai dan menimba sedikit sebanyak pengalaman mengenai dunia pekerjaan sebenar. Ia secara tidak langsung memperluaskan lagi persediaan bakal graduan Sarjana Muda Pengurusan Maritim sebelum melangkah ke dunia pekerjaan sebenar dan mencabar kelak.